

# Sejarah di sebalik sebuah nama 'Jalur Gemilang'

BH- 4/8/2007



Malaysiaku Gemilang

Oleh Mazidah Abdul Majid

**B**ENDERA Malaysia pada asalnya adalah bendera Persekutuan Tanah Melayu yang mula digunakan dengan rasminya pada 26 Mei 1950. Bendera ini diilhamkan menerusi satu pertandingan khas mencipta bendera Persekutuan Tanah Melayu yang menyaksikan ciptaan Mohamad Hamzah, seorang arkitek kerajaan di Johor terpilih dengan dibuat beberapa perubahan kepada reka bentuk asalnya.

Antara perubahan dibuat ialah menukar warna putih pada bulan dan bintang kepada warna kuning untuk melambangkan warna diraja bagi Raja-Raja Melayu dan juga menambah bucu bintang kepada 11 untuk mengambil kira jumlah negeri yang ada dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Dengan penubuhan Malaysia pada 1963, bendera itu diubah suai sewajarnya menjadi bendera Malaysia. Bendera negara berkibar dengan penuh penghormatan sejak 1950. Hanya pada 1995 barulah ada satu inisiatif untuk memberi nama khas atau nama rasmi kepadanya. Ia ilham bekas pegawai kerajaan, Datuk Hashim Mat Dris, yang dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Menurut pendapatnya pada masa itu, selepas 45 tahun berkibar dengan megah, tetapi tanpa satu nama boleh dibanggakan, sudah tiba masanya bendera Malaysia diberi satu nama rasmi seperti dimiliki bendera negara tertentu seperti Indonesia yang digelar 'Sang Saka Merah Putih', Uni-

ted Kingdom dinamakan 'Union Jack', Amerika Syarikat (Star Spangled Banner) dan bendera Perancis (Tricolor).

Hashim berpendapat nama yang sesuai untuk bendera negara ialah 'Si Tuah' sempena nama hulubalang Melayu Hang Tuah yang berani, gagah perkasa dan setia kepada Raja. Nama 'Si Tuah' juga melambangkan tuah sebuah negara dikurniakan Tuhan dengan kehidupan aman makmur dengan pemimpin bijaksana yang memerintah dengan adil dan saksama.

Cadangan Hashim itu kemudian dibawa kepada Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad. Pada 11 Julai 1995, Dr Mahathir bersetuju supaya diadakan satu peraduan bagi memilih nama sesuai untuk bendera Malaysia. Penyertaan bagi peraduan terbabit dihadkan kepada pihak tertentu saja iaitu kementerian dan jabatan kerajaan. Berikutan itu, Jawatankuasa Induk Peraduan Mencipta Nama Bendera Malaysia ditubuhkan.

Jawatankuasa itu dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara masa itu, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Pada mesyuarat 1 April 1996, jawatankuasa itu bersetuju bahawa pemilihan cadangan nama bendera Malaysia tidak perlu dibuat menerusi peraduan, tetapi memadai

dipilih daripada senarai nama dikemukakan oleh ahli jawatankuasa.

Ini turut dipersetujui Dr Mahathir. Berikutan itu, nama jawatankuasa ditukar kepada Jawatankuasa Induk Menamakan Bendera Malaysia. Jawatankuasa itu menimbang sebanyak 75 cadangan nama.

Selepas penelitian dibuat, tiga cadangan nama dipilih iaitu 'Setia Perkasa', 'Seri Setia Perkasa' dan 'Seri Setia Negara'. Cadangan nama itu dipilih kerana ia didapati sesuai sebagai lambang sejarah dan perjuangan negara serta mampu memupuk semangat jitu di kalangan rakyat untuk terus maju membina sebuah negara yang aman makmur.

Bagaimanapun, apabila dikemukakan untuk mendapat persetujuan Kabinet pada 11 September 1996, nama itu gagal memikat hati Jemaah Menteri.

Jemaah Menteri kemudian meminta supaya cadangan baru dikemukakan. Berikutan keputusan Jemaah Menteri itu, Jawatankuasa Induk Menamakan Bendera Malaysia bersidang semula untuk mencari cadangan nama baru.

Dalam mesyuarat pada 2 Jun 1997 dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara ketika itu, Tan Sri Abdul Halim Ali, sebanyak 28 cadangan nama dipertimbangkan. Se-

lepas membuat penelitian, mesyuarat bersetuju memilih tiga nama mengikut ketutamaan iaitu 'Jalur Gemilang', 'Jalur Nusa Gemilang', dan 'Jalur Sinar Gemilang'.

Ahli mesyuarat sepakat memilih tiga nama itu kerana ia didapati mempunyai ciri emotif yang boleh menggerakkan semangat patriotisme rakyat serta kesetiaan kepada negara, rangkai katanya adalah asli dan menggunakan bahasa kebangsaan yang ringkas, menarik dan mudah dijelaskan maksudnya.

Apabila ketiga-tiga cadangan nama itu dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 Julai 1997, Jemaah Menteri bersetuju supaya bendera Malaysia diberi nama 'Jalur Gemilang'. Perisytiharan 'Jalur Gemilang' sebagai nama bendera Malaysia dibuat Dr Mahathir di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur ketika upacara Di Ambang Merdeka sempena Perayaan Hari Kebangsaan pada 30 Ogos 1997, jam 11.58 malam.

Pada 2007 ini genaplah 10 tahun nama 'Jalur Gemilang' tersemat pada bendera Malaysia. Nama itu dicadangkan Jabatan Muzium dan Antikuiti, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (sekarang Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan).

Secara ringkasnya, perkataan 'Jalur' dalam nama 'Jalur Gemilang' melambangkan jalur pada bendera menggambarkan satu laluan lurus, hala tuju serta arah sama diikuti oleh rakyat negara ini, manakala 'Gemilang' melambangkan keadaan bercahaya, terang benderang dan cemerlang.

Oleh itu, 'Jalur Gemilang' adalah lambang aspirasi rakyat Malaysia dalam mengharungi kemajuan dengan penuh gigih, taat dan bersatu padu bagi membina sebuah negara cemerlang, gemilang dan terbilang.



KEBANGGAAN NEGARA: Jalur Gemilang lambang aspirasi rakyat Malaysia.

Datuk Mazidah Abdul Majid adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Kabinet) di Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri)